



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	16/12/2019	MUKA SURAT	: 7
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



Hakisan teruk, air laut masuk rumah

Penduduk minta JPS percepat bina benteng kekal Pantai Mek Mas

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Kota Bharu: Penduduk di sekitar Kampung Pantai Mek Mas, di sini, bimbang hakisan yang berlaku di sekitar pesisiran pantai itu semakin teruk.

Tinjauan di lokasi berkenaan mendapati, benteng batu sementara yang dibina Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mula terhakis sejak dua bulan lalu sehingga meresahkan penduduk.

Malah, ada rumah yang berdepan hakisan teruk sehingga air boleh memasuki kawasan rumah sekiranya ombak besar.

Penduduk, Khairi Ramli, 20, berkata dia dan enam ahli keluarga termasuk ibu bapanya mendiami rumah berkenaan kini dalam kebimbangan dan berjaga-jaga berikutan amaran angin kencang.

"Kawasan tepi rumah saya mengalami hakisan teruk dan setiap tahun ia terhakis sehingga lima meter.

"Keadaan itu menyebabkan ada ketikanya air memasuki rumah kami. Sejak semalam kami dalam keadaan berjaga-jaga berikutan dijangka berlaku angin kencang.

"Justeru, kami mengharapkan JPS mempercepatkan proses un-



Khalid di tebing benteng batu yang kian terhakis di Kampung Pantai Mek Mas, Kota Bharu. (Foto Fathil Asri/BH)

tuk membuat benteng kerana bimbang tapak rumah kami nanti akan menjadi laut," katanya ketika ditemui, di sini.

Sementara itu, nelayan, Khalid Yakob, 51, berkata, sebelum ini kawasan itu kerap dilanda ombak besar dan dinaiki air menyebabkan penduduk berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS).

"Kebiasaannya hujung tahun, air pasang bersama ombak besar akan berlaku dan menjejaskan kawasan rumah kami.

"Kami berharap JPS dapat mempercepatkan proses pembinaan benteng kekal bagi mengelak daripada berlaku hakisan

lebih teruk," katanya.

Sementara itu, Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan, Kepten Maritim Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob, mengingatkan semua pihak seperti nelayan, penduduk dan pengemar aktiviti laut supaya meningkatkan tahap waspada ketika musim monsun timur laut.

Katanya, Maritim Malaysia sentiasa bersedia dari segi aset dan keanggotaan bagi menghadapi sebarang kejadian kecemasan di laut.

"Peringatan terhadap komuniti maritim juga akan dibuat berterusan," katanya.